



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEMBINAAN MODUL MOTIVASI BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

NURUL FATIN MUHAMAD ARSAD

FPP 2013 76



PEMBINAAN MODUL MOTIVASI BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

NURUL FATIN MUHAMAD ARSAD

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2013



PEMBINAAN MODUL MOTIVASI BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Oleh

NURUL FATIN MUHAMAD ARSAD

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2013

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga buat ...

Suami dan anak-anak tercinta;

Shahrizal b. Shahmarudin

Shahfiy Amzar b. Shahrizal

Shahfiy Daniyal b. Shahrizal

Abah dan emak yang dikasihi;

Muhamad Arsad b. Hj Mohd Yusoff

Noraini bt. Hj Salleh

Ayah dan emak mertua yang dikasihi;

Shahmarudin b. Hj Midon

Zuraida bt. Hj Sidek

Adik-beradik yang disayangi;

**Amru Hisham, Rizadora, Zeffarina, Azrul Raimee, Wan Ahmad Fazlisyah, Ameliza
dan Syahasyraf**

Semoga Allah membalas semua jasa dan pengorbanan kalian.

Nurul Fatin binti Muhamad Arsad

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

PEMBINAAN MODUL MOTIVASI BAGI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Oleh

NURUL FATIN BINTI MUHAMAD ARSAD

Januari 2013

Pengerusi: Prof. Madya Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan membina modul motivasi untuk membantu pelajar meningkatkan motivasi diri agar dapat menetapkan matlamat yang betul dalam kehidupan. Pembinaan modul ini mengaplikasikan pendekatan Model Pembinaan Modul Sidek (2001) yang merupakan satu model integrasi yang lebih komprehensif. Kombinasi kajian deskriptif dan kajian eksperimen telah digunakan di mana kajian deskriptif melibatkan pembinaan modul motivasi yang mengkaji aspek kesahan dan kebolehpercayaan modul. Manakala, kajian eksperimen kumpulan rawak, ujian pra dan ujian pasca bertujuan menguji aspek keberkesanan modul ke atas tahap motivasi pencapaian pelajar. Seramai 60 orang pelajar sekolah menengah dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak bagi membentuk kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan eksperimen menjalani modul motivasi yang dibina, manakala kumpulan kawalan tidak menerima sebarang rawatan. Dapatan menunjukkan, nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang diperolehi adalah .75 dan .962. Manakala, dapatan kajian eksperimen mendapati bahawa terdapat perbezaan

yang signifikan bagi tahap motivasi pencapaian dalam ujian pasca di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen. Sebagai hasilnya, satu modul motivasi yang mengandungi 12 aktiviti telah dibina. Modul ini dibina berdasarkan enam tema motivasi pencapaian yang dibangunkan oleh Abu Bakar Nordin (1995) menerusi Teori Motivasi Pencapaian McClelland (1961). Tema tersebut adalah perancangan matlamat, ketabahan, jangkaan terhadap kejayaan, kebimbangan, kesanggupan menghadapi risiko dan sikap. Menerusi kajian ini, modul yang dibina telah dibuktikan kualitinya dari aspek kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan keberkesanan yang tinggi. Perkara ini membuktikan bahawa modul ini berpotensi menjadi salah satu bahan yang berguna kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diaplikasikan di sekolah menengah bagi tujuan mengadakan program motivasi pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

DEVELOPMENT OF MOTIVATION MODULE FOR SECONDARY SCHOOL STUDENTS

By

NURUL FATIN BINTI MUHAMAD ARSAD

January 2013

Chair: Assoc. Prof. Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, PhD

Faculty: Educational Studies

This study aims to develop a module to help students increase their motivation level in order to set the exact goals in life. The construction of this module applies the approach of Model Pembinaan Modul Sidek (2001), which is a more comprehensive integration model. This study is a combination of descriptive and experimental study. The purpose of the descriptive study is to develop a motivation module including the evaluation of validity and reliability. While the experimental design of a random group, pretest and posttest study is applied to test the effectiveness of the motivation module. A total of 60 secondary school students are divided into two groups randomly to form the control group and experimental group. The experimental group underwent motivational module which was built, while the control group did not receive any treatment. The findings show that the validity and reliability of the value obtained was .75 and .962. Meanwhile, the results of the experiment showed that there was a significant difference between achievement motivation in the post-test between the control group and experimental

group. As a result, a motivational module that contains 12 activities had been developed. This module was developed based on six achievement motivation themes by Abu Bakar Nordin (1995) which were created from McClelland Achievement Motivation Theory (1961). The themes are planning goals, toughness, expectation of success, fear, risk and attitudes. Through this study, the module built had proved its quality in term of content validity, reliability and effectiveness. Therefore, this module has its potential to be one of the useful materials to the Ministry of Education Malaysia to be applied in secondary school programs for students' motivation.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini walaupun terdapat pelbagai dugaan dan rintangan sepanjang proses untuk menyudahkannya.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Haji Jamaludin bin Haji Ahmad dan Dr. Maznah binti Baba yang telah banyak membantu dan memberikan panduan kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Segala sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan tidak akan pernah saya lupakan. Begitu juga dengan para staf dan fasilitator di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM yang terlibat secara langsung, mahupun tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua. Semoga Allah membalas jasa baik kalian.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pendidikan Negeri Selangor dan semua sekolah yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberikan keizinan untuk saya menjalankan kajian ini. Jasa baik tuan dan puan telah melancarkan perjalanan kajian ini seperti yang telah dirancang.

Secara umumnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini. Semoga Allah membalas semuanya dan sentiasa dalam keberkatanNya. InsyaAllah...



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Hj. Jamaludin Hj. Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Maznah Baba, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli dan usaha saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah diperjelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini untuk penganugerahan mana-mana ijazah di Universiti Putra Malaysia atau mana-mana institusi lain.



.....
NURUL FATIN MUHAMAD ARSAD

Tarikh: 31 Januari 2013



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
JADUAL KANDUNGAN	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB	
1 Pengenalan	1
Pendahuluan	1
Latar belakang kajian	1
Pernyataan masalah	5
Objektif umum	7
Objektif khusus	7
Kepentingan kajian	8
Batasan kajian	9
Definisi konsep dan operasional	11
Modul motivasi	11
Kesahan kandungan modul	12
Kebolehpercayaan modul	13
Keberkesanan modul	14
Hipotesis kajian	15
Hipotesis khusus	15
Kesimpulan	16
2 Sorotan Literatur Berkaitan	17
Pengenalan	17
Pendekatan teori	18
Teori Motivasi Pencapaian	19
Kerangka teori kajian	28
Kajian berkaitan modul	30
Kerangka konsep kajian	57
Kesimpulan	58

3	METODOLOGI KAJIAN	60
	Pengenalan	60
	Reka bentuk kajian	60
	Proses pembinaan modul	63
	Kajian rintis	70
	Kesahan kandungan modul	71
	Kebolehpercayaan modul	72
	Keberkesanan modul	73
	Ancaman kesahan kajian	74
	Ancaman kesahan dalaman	74
	Sejarah dan kematangan	74
	Instrumentasi	75
	Regresi statistik	76
	Kesan mortaliti	76
	Ancaman kesahan luaran	77
	Kesan interaksi bias pemilihan dan rawatan	77
	Kesan reaktif prosedur eksperimen	78
	Kesan <i>Hawthorne</i>	78
	Tempat kajian	79
	Pembinaan modul	79
	Kesahan kandungan modul	79
	Kebolehpercayaan modul	80
	Keberkesanan modul	80
	Populasi kajian	81
	Sampel kajian	82
	Kebolehpercayaan modul	82
	Keberkesanan modul	83
	Instrumen kajian	83
	Pembinaan modul	83
	Kesahan kandungan modul	84
	Kebolehpercayaan modul	86
	Keberkesanan modul	87
	Pengumpulan data	89
	Kesahan kandungan modul	89
	Kebolehpercayaan modul	90
	Keberkesanan modul	90
	Analisis data	91
	Kesahan kandungan modul	91
	Kebolehpercayaan modul	92
	Keberkesanan modul	93
	Kesimpulan	94

4	DAPATAN KAJIAN	95
	Pengenalan	95
	Pembinaan modul	95
	Kajian rintis	97
	Kesahan kandungan UMP	97
	Kebolehpercayaan UMP	99
	Kesahan kandungan modul	100
	Kebolehpercayaan modul	102
	Keberkesanan modul	103
	Hipotesis pertama	105
	Hipotesis kedua	106
	Hipotesis ketiga	107
	Hipotesis keempat	108
	Hipotesis kelima	109
	Hipotesis keenam	110
	Hipotesis ketujuh	111
	Hipotesis kelapan	112
	Hipotesis kesembilan	113
	Rumusan keputusan kajian kumpulan eksperimen	114
	Rumusan keputusan ujian pasca kumpulan kawalan & eksperimen	115
	Kesimpulan	116
5	PERBINCANGAN KAJIAN	117
	Pengenalan	117
	Perbincangan berdasarkan dapatan kajian	117
	Pembinaan modul	117
	Kajian rintis: Kesahan dan kebolehpercayaan UMP	120
	Kesahan kandungan modul	122
	Kebolehpercayaan modul	124
	Keberkesanan modul	125
	Hipotesis umum	126
	Hipotesis khusus	127
	Perbincangan berdasarkan teori dan kajian lampau	130
	Implikasi kajian	136
	Implikasi teoritikal kajian	136
	Implikasi praktikal kajian	137
	Cadangan kajian	138
	Kesimpulan	140
	RUJUKAN	141
	LAMPIRAN	152

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Kerangka teori kajian	29
2 Kerangka konsep kajian	58
3 Model Pembinaan Modul Sidek (2001)	64



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Reka bentuk kajian eksperimen-Ujian pra dan ujian pasca	62
2	UMP-Tema dan bilangan item yang terlibat	89
3	Kaedah pemarkahan	90
4	Kesahan kandungan bagi setiap tema UMP	97
5	Nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap tema UMP	99
6	Kesahan kandungan modul	101
7	Nilap pekali kebolehpercayaan modul	103
8	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi tahap motivasi pencapaian kumpulan eksperimen	105
9	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi tahap motivasi pencapaian kumpulan kawalan	106
10	Perbandingan skor min tahap motivasi pencapaian bagi Ujian pasca di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan Eksperimen serta keputusan ujian-t	107
11	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan perancangan matlamat kumpulan eksperimen	108
12	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan ketabahan pelajar kumpulan eksperimen	109
13	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan jangkaan terhadap pencapaian kumpulan eksperimen	110
14	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan kebimbangan kumpulan eksperimen	111

15	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan kebolehan menghadapi risiko kumpulan eksperimen	112
16	Perbandingan skor min sebelum dan selepas rawatan serta keputusan ujian-t bagi perubahan sikap kumpulan eksperimen	113
17	Rumusan keputusan kajian kumpulan eksperimen	114
18	Rumusan perbandingan keputusan ujian pasca di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen	115



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
1	Modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah	153
2	Soal selidik kesahan kandungan modul	176
3	Surat perlantikan pakar penilai kesahan kandungan modul	177
4	Penilaian pakar penilai kesahan kandungan modul	181
5	Kelulusan menjalankan kajian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia	184
6	Kelulusan menjalankan kajian oleh Jabatan Pelajaran Negeri Selangor	186
7	Soal selidik kebolehpercayaan modul	187
8	Kelulusan penggunaan Ujian Motivasi Pencapaian	193
9	Ujian Motivasi Pencapaian (UMP)	194
10	Penerbitan	198

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif umum, objektif khusus, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep dan definisi operasional serta hipotesis kajian. Secara kasarnya, bab ini memberikan gambaran awal dan pengenalan tentang kajian yang akan dijalankan. Daripada bab ini juga, pembaca secara tidak langsung akan memahami tujuan dan permasalahan yang timbul sehingga menarik perhatian penyelidik untuk melaksanakan kajian ini.

Latar belakang kajian

Modul digunakan secara meluas di Malaysia dan juga di luar negara sama ada oleh seseorang individu, kumpulan mahupun badan-badan organisasi tertentu (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Semakin hari, bidang pembinaan modul semakin hangat diperkatakan. Modul semakin banyak dibina dan digunakan bagi mencapai objektif tertentu terutama sekali dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, pendidik menggunakan modul pengajaran sebagai satu bahan atau medium perantaraan untuk memudahkan proses pengajaran agar para pelajar dapat melihat dengan jelas tentang topik-topik dan isi-isi pengajaran yang ingin dibincangkan sepanjang sesi pembelajaran tersebut.

Modul merupakan satu pakej latihan pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian atau berkumpulan untuk memahami dan menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan berkesan (Abdul Hanid Halit, 2011). Terdapat empat jenis modul iaitu modul latihan, modul pengajaran, modul motivasi dan modul akademik. Dalam kajian ini, penyelidik membina satu modul jenis motivasi di mana modul ini berfungsi sebagai satu bahan yang membantu pelajar-pelajar meningkatkan tahap motivasi dalam masing-masing.

Proses pembinaan modul ini adalah berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek yang telah dikemukakan oleh Sidek Mohd Noah pada tahun 2001. Model ini merupakan satu model integrasi yang lebih komprehensif jika dibandingkan dengan dua pendekatan lain oleh Russell (1974) dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). Model Pembinaan Modul Sidek (2001) melibatkan dua peringkat pembinaan modul iaitu peringkat penyediaan draf modul dan peringkat penilaian modul. Berdasarkan model yang telah dipilih, kajian ini turut mengkaji aspek kesahan kandungan modul, kebolehpercayaan modul dan keberkesanan modul. Ketiga-tiga aspek penilaian ini bakal mengangkat modul yang dibina sebagai satu modul motivasi yang tidak diragui tentang keberkesanannya apabila diaplikasikan ke atas para pelajar di sekolah menengah. Perkara ini juga turut membezakan di antara modul motivasi ini dengan modul-modul lain sebelum ini yang kurang dinilai secara akademik berkenaan aspek kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan keberkesanannya.

Modul motivasi yang dibina mengandungi 12 aktiviti yang bertujuan meningkatkan tahap motivasi pelajar sekolah menengah. Golongan ini dipilih kerana mereka merupakan golongan pelapis pemimpin negara di masa hadapan bertepatan dengan azam negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 (Mariah Kamaruddin, 2005). Mereka merupakan golongan penting yang memerlukan bimbingan dan didikan yang sewajarnya bukan hanya dalam bidang akademik, malahan pemantapan dari aspek-aspek lain seperti jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Selari dengan itu, modul motivasi ini dibina untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar agar mereka dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam kehidupan.

Terdapat banyak modul motivasi yang telah dibina bagi tujuan yang sama. Perkara ini disebabkan oleh peranan modul yang dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar di sekolah. Kajian-kajian lepas berkenaan pembinaan modul juga telah membuktikan keberkesanan sesebuah modul dalam membantu para pelajar menjana motivasi dalaman mereka. Sepertimana yang dinyatakan oleh Russell (1974), modul sememangnya boleh digunakan dalam pengajaran yang bukan bersifat akademik. Modul sangat berguna dalam program peningkatan diri yang bertujuan meningkatkan motivasi seseorang individu.

Abdul Hanid Halit (2012) menyatakan bahawa penggunaan modul dalam program motivasi sememangnya dapat meningkatkan tahap motivasi, sekaligus meningkatkan keyakinan diri dan berpotensi menjana perkembangan minda melalui aktiviti yang terkandung di dalamnya. Modul juga dilihat sebagai sebahagian daripada unit pengajaran yang lengkap dalam menggerakkan diri pelajar ke arah perubahan yang positif. Perkara

ini turut disokong oleh Khalid Isa dan rakan-rakan (2008), di mana modul yang efektif terbukti dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam aspek-aspek seperti pemantapan fizikal, mental, rohani dan sahsiah. Jelasnya, pengisian modul yang mantap banyak membantu pendidik dalam meninggalkan kesan yang positif dalam diri para pelajar.

Menurut Baharom Mohamad & Ilyas Hashim (2009), bagi individu yang mahu mencapai kecemerlangan dan menggapai kejayaan yang hebat memerlukan elemen motivasi. Malah, motivasi dikatakan berjaya mengubah landskap kehidupan pelajar apabila diaplikasikan dengan betul, tepat dan bijaksana. Tambahan lagi, pada era dunia globalisasi hari ini, kemajuan dalam bidang pendidikan menunjukkan impak yang positif pada pendidikan negara. Perkembangan dalam bidang pendidikan pada hari ini berpunca dari pelbagai aspek. Antara faktor kejayaan pelajar dalam bidang pendidikan terkesan dari aspek motivasi.

Walau bagaimanapun, kita maklum bahawa sesetengah pelajar mempunyai tahap motivasi yang kurang memuaskan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Mohamad Zaaba dan Zuraida Ismail (2004), kehadiran para pelajar yang memuaskan tidak menjamin penglibatan mental dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar kurang bermotivasi dan menyebabkan mereka tidak menunjukkan komitmen dalam aktiviti-aktiviti di sekolah.

Jelaslah bahawa modul motivasi ini amat penting untuk memberikan para pelajar peluang untuk melalui satu program berlandaskan 12 aktiviti yang terkandung dalam modul ini

bersama kelompok rakan sebaya bagi memperbaiki diri ke arah yang lebih positif selari dengan peningkatan tahap motivasi masing-masing. Perkara ini disebabkan elemen motivasi sangat mempengaruhi aspek-aspek lain yang menyokong kejayaan seseorang individu dalam kehidupannya termasuklah aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pernyataan masalah

Adakalanya manusia menjadi tidak bersemangat untuk melaksanakan perkara yang sepatutnya kerana tiada dorongan atau perangsang sama ada yang muncul dari dalam diri individu ataupun pihak lain. Apabila diperhatikan dengan lebih terperinci, manusia tidak mampu mencapai ataupun menterjemahkan kualiti hidup yang cemerlang apabila tiada unsur motivasi dalam diri mereka. Justeru, motivasi adalah perkara asas dalam disiplin psikologi yang menjadi pelengkap hidup manusia dari segala segi (Baharom Mohamad & Ilyas Hashim, 2009).

Menurut Khairuddin Nisa (2007), pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian sederhana dan lemah merupakan golongan yang kurang bermotivasi. Oleh sebab itu, pihak sekolah perlu memberikan suntikan motivasi kepada pelajar dengan merancang program motivasi yang dapat mencetuskan semangat dan kemahuan sendiri dalam diri pelajar. Program motivasi yang dijalankan di sekolah mengaplikasikan modul sebagai bahan perantara dan panduan kepada guru-guru dalam memfokuskan peningkatan motivasi para pelajar.

Penghasilan modul program yang sistematik membolehkan program dijalankan secara teratur bagi membolehkan isi kandungan modul disampaikan dengan lebih berkesan. Isi

kandungan modul yang sesuai boleh menarik minat pelajar menyertai sesuatu program. Program peningkatan motivasi menggunakan modul seperti ini akan memberi kebaikan serta dapat menimbulkan kesan positif kepada pelajar yang menyertainya (Hassan Hushin dan Maznah Che Don, 2010).

Abdul Hanid Halit (2012) menyatakan bahawa penggunaan modul dalam program motivasi dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam aspek pendidikan dan sahsiah diri. Beliau telah membuktikan bahawa penggunaan modul adalah kaedah yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu pengajaran sama ada dari segi pendidikan mahupun aspek kehidupan yang lain seperti sahsiah. Perkara ini disebabkan, sesebuah modul yang dibina mengandungi objektif, langkah-langkah, bahan, falsafah dan aktiviti latihan tersendiri. Maka, kaedah sistematik ini dapat membawa perubahan pelajar ke arah yang positif.

Selain itu, modul juga merupakan bahan perantaraan yang mengandungi sebahagian daripada keseluruhan pengajaran yang ingin disampaikan. Dengan itu, penggunaan modul yang efektif dapat menjana pertumbuhan minda pelajar dalam tempoh masa yang berpanjangan. Pelajar-pelajar telah melalui pelbagai aktiviti dan bimbingan oleh guru-guru sepanjang program motivasi yang boleh dijadikan sebagai pengalaman yang positif untuk diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Khalid Isa dan rakan-rakan (2008) juga telah membuktikan bahawa penggunaan modul dalam program perkembangan kerjaya berjaya meningkatkan motivasi pelajar seterusnya menyiapkan diri pelajar menghadapi dunia pendidikan dan pekerjaan dengan lebih

bersedia. Pelajar-pelajar dilihat lebih matang dari aspek motivasi dan keyakinan diri selepas melalui modul yang dijalankan ke atas diri mereka

Modul motivasi yang dibina dalam kajian ini mempraktikkan kaedah latihan dalam kumpulan yang menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kelompok bersama rakan-rakan sebaya. Kaedah ini dilihat lebih berkesan di mana mereka berpeluang untuk mengenali realiti diri, menguji kebolehan diri, mengekspresikan diri dan berkongsi segala isu dengan rakan-rakan yang sudi mendengar (Erikson, 1963,1968). McClelland (1978) dalam buku motivasi dan pembangunan yang ditulis oleh Abdul Rahman Aziz (1997) mengatakan bahawa motivasi individu meningkat apabila seseorang mahu dimotivasikan, memahami unsur-unsur motivasi dan melibatkan diri secara aktif dalam usaha itu.

Objektif umum

Kajian ini dijalankan untuk membina modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah.

Objektif khusus

1. Membina modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah.
2. Menguji kesahan kandungan modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah.
3. Menguji nilai pekali kebolehpercayaan modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah.
4. Menguji keberkesanan modul motivasi terhadap motivasi pencapaian bagi pelajar sekolah menengah melalui kajian eksperimen.

Kepentingan kajian

Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Demikianlah murninya hasrat dan semangat Falasafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan negara bermatlamatkan dan memfokuskan penjanaan warganegara yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada diri masing-masing, masyarakat dan negara. Maksud yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu diterjemahkan dalam Misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan menjadi asas kepada usaha ke arah peningkatan dan pengukuhan sistem pendidikan negara bertaraf dunia. Fokus yang mendasari matlamat utama ini ialah pengembangan potensi pelajar pada tahap optimum.

Modul motivasi yang dibina ini diharapkan dapat diterima oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia agar ia menjadi salah satu modul yang efektif yang mempunyai objektif dan langkah-langkah yang lengkap bagi setiap aktiviti yang dimuatkan di dalamnya. Tambahan lagi, modul ini dihasilkan di negara ini dan bukan merupakan sumber dari luar negara seperti sesetengah modul yang lain. Maka, modul ini adalah bersesuaian dengan konteks budaya di Malaysia. Secara tidak langsung, modul ini dapat

membantu dalam peningkatan pencapaian akademik pelajar menerusi pembentukan motivasi yang tinggi dalam diri masing-masing. Hasilnya, pelajar di negara ini merupakan pelajar yang bukan sahaja cemerlang daripada segi akademik, malahan cemerlang dalam aspek motivasi yang lain seperti aspek sikap dan tingkah laku.

Kajian ini juga turut menyumbang kepada perkembangan ilmu dari segi proses pembinaan modul yang melibatkan model terkini iaitu Model Pembinaan Modul Sidek (2001) dan kajian-kajian keperluan lain seperti kajian kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan keberkesanannya. Perkara ini disebabkan oleh kurangnya modul-modul tempatan yang dibina berlandaskan model tersebut dan melalui kajian-kajian seperti itu. Maka boleh dikatakan bahawa kajian ini merupakan salah satu bahan rujukan bagi pembina modul pada masa akan datang.

Batasan kajian

Pembinaan modul motivasi ini lebih tertumpu kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan tidak mengambil kira pelajar sekolah rendah. Perkara ini disebabkan, golongan pelajar sekolah rendah dalam lingkungan usia kanak-kanak belum mencapai tahap pemikiran yang sesuai untuk menjalankan aktiviti yang agak rumit yang terkandung dalam modul ini. Tambahan pula, kanak-kanak masih tertumpu pada kedua-dua ibu bapanya berbanding remaja yang telah memilih rakan-rakan sebaya sebagai tumpuan utama dalam kehidupan di alam remajanya. Dengan itu, aktiviti kelompok sepertimana yang diaplikasikan dalam modul ini tidak begitu sesuai untuk dijalankan ke atas kanak-kanak di sekolah rendah. Tambahan lagi, modul ini memfokuskan golongan remaja yang

semakin ramai terlibat dengan masalah sosial di negara ini berbanding golongan kanak-kanak.

Kajian ini juga dijalankan di sebuah sekolah menengah berasrama di Daerah Hulu Langat. Sekolah berasrama dipilih kerana kajian ini melibatkan subjek kajian untuk menjalankan program motivasi dalam jangka masa tujuh jam. Tambahan pula, pihak Jabatan Pelajaran tidak menggalakkan penyelidik mengganggu pelajar dalam tempoh pengajaran dan pembelajaran untuk satu tempoh masa yang panjang. Justeru itu, penyelidik memutuskan untuk menjalankan program bersama pelajar sekolah berasrama pada hari Sabtu kerana pelajar-pelajar ini berada di asrama dan mudah untuk dikumpulkan bersama bagi menjalankan program motivasi tersebut.

Selain itu, subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini tertumpu pada pelajar tingkatan dua yang telah diberikan namanya oleh guru sekolah tersebut. Pihak sekolah tidak dapat melibatkan pelajar dari tingkatan lain berikutan terdapat program sekolah yang tidak dapat dijangka dengan lebih awal dan tidak dapat dielakkan. Oleh kerana program sekolah terpaksa melibatkan sebilangan besar pelajar di sekolah, maka hanya segelintir pelajar tingkatan dua yang boleh dilibatkan dalam kajian ini.

Dengan ini dapat dilihat bahawa terdapat perkara tertentu yang membataskan perjalanan kajian ini. Walau bagaimanapun, diharapkan kajian yang dijalankan seharusnya tepat dan boleh dijadikan rujukan oleh setiap individu pada masa kini dan akan datang terutamanya

untuk para penyelidik yang akan meneruskan kajian ke atas modul yang dibina dalam kajian ini.

Definisi konsep dan operasional

Modul motivasi

Modul merupakan suatu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran (Russell,1974). Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) pula menyatakan bahawa modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian kecil yang lain. Modul juga didefinisikan sebagai satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005). Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) lagi, modul jenis motivasi dibina untuk membantu para pelajar meningkatkan motivasi dalaman agar mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini, modul motivasi yang dibina merupakan satu bahan yang boleh diaplikasikan ke atas para pelajar sekolah menengah untuk meningkatkan motivasi diri ke arah yang lebih baik. Modul ini dibina berpandukan Model Pembinaan Modul Sidek (2001) yang lengkap dan lebih komprehensif. Terdapat sebanyak 12 aktiviti yang terkandung dalam modul tersebut dan aktiviti-aktiviti ini telah dipilih mengikut kesesuaian tahap pemikiran dan pengalaman pelajar-pelajar untuk mengikutinya agar pelaksanaan modul tersebut menjadi mudah dan lancar. Modul ini juga dibina untuk guru,

fasilitator dan moderator yang bertanggung jawab untuk menjalankannya ke atas golongan sasaran. Modul ini turut mengaplikasikan latihan dalam kumpulan kerana pelajar-pelajar sekolah menengah atau remaja lebih tertumpu pada kelompok rakan-rakan sebaya. Maka, kaedah ini menggalakkan setiap pelajar bekerjasama dalam kelompok masing-masing untuk melaksanakan setiap aktiviti yang terkandung dalam modul sebagai usaha meningkatkan motivasi diri.

Kesahan kandungan modul

Dalam kajian ini, kesahan kandungan modul motivasi ditentukan untuk membuktikan sejauh mana modul tersebut mampu mengukur data yang sepatutnya (Mohd Majid Konting, 1998). Menurut Jamaludin Ahmad dan Sidek Mohd Noah (2001), sesuatu alat ukuran boleh dianggap sama maksud dengan modul kerana alat ukuran dan modul merupakan suatu alat, sumber atau bahan yang menjadi panduan kepada seseorang pembina modul untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan data berkaitan dengan kajian dan penyelidikan yang dilakukan.

Menurut Russell (1974), sesuatu modul dianggap mempunyai kesahan yang tinggi apabila memenuhi lima syarat tertentu iaitu:

1. Menepati sasaran populasi
2. Situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul memuaskan
3. Masa yang diambil untuk melaksanakan modul adalah mencukupi
4. Berjaya meningkatkan prestasi pencapaian pelajar
5. Berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang

Dalam kajian ini, kesahan kandungan merujuk kepada sejauh mana modul motivasi yang dibina dapat mengukur atau menilai tahap motivasi pelajar sekolah menengah. Kesahan kandungan modul ini dinilai oleh tiga orang pakar dalam bidang modul dari Universiti Putra Malaysia. Ketiga-tiga orang pakar memberikan komen dan cadangan serta penilaian masing-masing mengenai modul ini sama ada ia dapat membantu dalam meningkatkan motivasi setiap pelajar ataupun sebaliknya. Hasil penilaian setiap pakar amat penting supaya penyelidik dapat memperbaikinya dari pelbagai aspek termasuk kandungan, objektif, langkah-langkah aktiviti, falsafah dan sebagainya.

Kebolehpercayaan modul

Kebolehpercayaan dikaji untuk membuktikan sejauh mana sesuatu inventori secara tekal mengukur faktor yang sebenarnya (Othman Mohamed, 2000). Kebolehpercayaan modul pula bermakna sesuatu modul adalah konsisten iaitu modul berupaya memberikan hasil yang sama apabila digunakan pada individu yang sama pada waktu yang berbeza (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005). Malang sekali, tiada maklumat yang khusus mengenai kebolehpercayaan modul di dalam mana-mana buku termasuklah buku yang ditulis oleh seorang tokoh bernama Russell pada tahun 1974. Dengan ini, Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) telah mengutarakan satu model yang boleh digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan modul yang berasal daripada penyesuaian model kebolehpercayaan kejuruteraan yang diubah suai daripada Model Vale (1998).

Dalam kajian ini, penyelidik membina soal selidik kebolehpercayaan modul berdasarkan objektif-objektif setiap aktiviti yang terkandung di dalam modul motivasi ini. Soal selidik ini akan dijawab oleh para pelajar setelah selesai menjalani modul dan penilaian tersebut dianalisis untuk mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan modul. Kebolehpercayaan yang tinggi penting untuk modul motivasi ini agar ia dapat digunakan untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar dalam suatu tempoh masa yang lama. Perkara ini bermakna, modul ini sepatutnya memastikan bahawa perubahan pelajar ke arah yang lebih cemerlang akan berterusan tidak mengira waktu dengan pelaksanaan modul yang sama.

Keberkesanan modul

Rosdi Yusof (2009) menyatakan bahawa keberkesanan modul adalah tahap hasil pencapaian sesuatu aktiviti sama ada memenuhi matlamat atau objektif yang ingin dicapai atau sebaliknya. Mohamed Fadzil Che Din (1997) pula menyatakan keberkesanan melibatkan peranan, kualiti, tahap kredibiliti, kelayakan, kemahiran dan kesedaran. Muhd Mansur Abdullah (1994) juga menyuarakan pandangannya tentang keberkesanan di mana ia merupakan sesuatu yang subjektif kerana penilaiannya harus mempertimbangkan pelbagai aspek. Bagi Hussein Ahmad (1991), keberkesanan merujuk kepada setakat mana sesuatu program dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kumpulan sasaran dalam aspek tertentu mengikut persepsi mereka terhadap program yang diikuti.

Dalam kajian ini, kajian eksperimen kumpulan rawak, ujian pra dan ujian pasca secara kuantitatif dijalankan untuk menilai sama ada modul yang dibina berkesan dalam

meningkatkan tahap motivasi pencapaian para pelajar. Kajian ini adalah bagi membuktikan perubahan pada pemboleh ubah bersandar iaitu tahap motivasi pencapaian pelajar adalah disebabkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu modul motivasi yang dibina. Daripada penilaian tersebut, penambahbaikan ke atas modul juga dilakukan bagi menghasilkan modul yang baik dan efektif.

Hipotesis kajian

Berdasarkan objektif khusus kajian yang keempat, tiga hipotesis umum kajian telah dibina bagi membuktikan aspek keberkesanan modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah yang dibina dalam kajian ini.

H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca tahap motivasi pencapaian bagi kumpulan eksperimen selepas melalui modul motivasi bagi pelajar sekolah menengah.

H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca tahap motivasi pencapaian bagi kumpulan kawalan.

H_{a3} : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor ujian pasca di antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis khusus

Selaras dengan objektif khusus kajian yang keempat, bagi tujuan menilai keberkesanan modul secara lebih terperinci terhadap motivasi pencapaian, kajian juga memfokuskan

kepada tahap perubahan enam tema motivasi pencapaian bagi kumpulan eksperimen. Bagi tujuan tersebut, hipotesis khusus telah dibentuk seperti berikut;

H_{a4} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema perancangan matlamat bagi kumpulan eksperimen.

H_{a5} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema ketabahan bagi kumpulan eksperimen.

H_{a6} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema jangkaan terhadap pencapaian bagi kumpulan eksperimen.

H_{a7} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema kebimbangan bagi kumpulan eksperimen.

H_{a8} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema menghadapi risiko bagi kumpulan eksperimen.

H_{a9} :Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dengan ujian pasca ke atas tema sikap bagi kumpulan eksperimen

Kesimpulan

Bab ini membincangkan tujuan sebenar dan kepentingan kajian. Objektif kajian ini adalah untuk membina modul motivasi, menentukan kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan keberkesanannya dalam aspek motivasi pencapaian. Kajian ini telah membentuk hipotesis yang akan diuji untuk melihat sejauh mana modul motivasi yang dibina dapat meningkatkan tahap motivasi pencapaian pelajar sekolah menengah.

Rujukan

- Abd. Sukor Shaari, Yahya Don, & Yaakob Daud (2005). *Motivasi belajar dan harga diri: Hubungan dengan pencapaian akademik dan kegiatan kokurikulum pelajar sekolah menengah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Fatah Abdul Malik, & Mohd Majid Konting (1993). *Memahami penyelidikan pendidikan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Hanid Halit (2012). Career skills in youth career module among adolescence in secondary school. *The International Journal of Social Sciences*, 2, 1-16.
- Abdul Hanid Halit (2011). *Pembinaan modul program perkembangan kerjaya: Kesahan dan kebolehppercayaan alat ukur*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Abdul Rahman Aziz (1997). *Motivasi dan pembangunan diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ab. Rahim Selamat (1991). Pengurusan latihan: Satu pengenalan. *Jurnal Guru*, 3, 419-424.
- Ahmann, J. S., & Glock, M. D. (1981). *Evaluating students progress: Principles of test and measurement*. Boston: Allyn and bacon, Inc.
- Alderman, M. K. (2008). *Motivation for achievement: Possibilities for teaching and learning*. 3rd. ed. New York and London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Amin Johari Ghazali (1995). *Kesan latihan kemahiran sosial terhadap konsep kendiri pelajar*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

- Amla Salleh, Zuria Mahmud, Noriah Ishak, & Sayed Muhamad Sayed Abdullah. (2006). Kesan modul merancang kerjaya ke atas motivasi belajar pelajar berprestasi rendah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8 Kategori EAR*, 2, 177.
- Atkinson, J. W. (1958). *Motives in fantasy, action and society*. New York: Yan Nostrand.
- Azammuddin Zainuddin (2008). *Pembinaan dan kesahan kandungan modul kepimpinan pelajar (MKP) sekolah menengah*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Azhad Shaz Nilam (2007). *Masalah disiplin sekolah*. Dirujuk pada Disember 12, 2009, dari <http://blog.azhad.com/2007/08/masalah-disiplin-sekolah.html>
- Azizi Yahaya, & Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk identiti remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Badrunsham Dahalan @ Omar (1999). *Keberkesanan latihan pembimbing rakan sebaya terhadap motivasi pencapaian dan pencapaian akademik*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Bahaman Abu Samad, & Turiman Suandi (1999). *Statistics for social research: With computer application*. Kuala Lumpur: JJ Print & Copy.
- Baharom Mohamad, & Ilyas Hashim (2009). *Bagaimana memotivasi pelajar: Teori, konsep dan kepentingan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Borg, W. R., Gall, J. P., & Gall, M. D. (1993). *Applying educational research: A practical guide*. 3rd. ed. New York: Longman.
- Burns, R. W., & Klingstedt, J. L. (1973). *Competency-based education: an introduction*. Englewood Cliffs, N.J.: Educational Technology Publications.

- Chang Yun Ping (2007). *Pembinaan dan penilaian kesesuaian modul pembelajaran sendiri alat muzik Yangqin untuk pendidikan muzik tingkatan empat, kurikulum bersepadu sekolah menengah Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Cronbach, L. J. (1990). *Essentials of psychological testing*. 5th. ed. New York: Harper Collins Publisher, Inc.
- Crow, D. L. & Crow, A. (1983). Terjemahan: Rahil Mahyuddin, & Habibah Elias (2002). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Devarajoo a/l Ponnah (2002). *Kesan modul motivasi ke atas sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar di sekolah menengah di Negeri Selangor Darul Ehsan*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Dick, W., & Cary, L. (1990). *The systematic design of instruction*. 3rd. ed. New York: Harper Collins.
- Edward, G. C., & Richard, A. Z. (1979). *Reliability and validity assessment*. New York: Sage Publication, Inc.
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society*. 2nd. ed. New York: Norton.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: Norton.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (1996). *How to design and evaluate research in education*. 3rd. ed. New York: Mc. Graw. Hill, Inc.
- French, E. G., & Thomas, F. H. (1958). The relation of achievement motivation to problem solving effectiveness. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 56, 45-48.

- Ghazali Darusalam (1985). Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif dan kuantitatif. *Standards for education and psychological testing. American Psychological Association, 9(18), 19-23.*
- Habibah Elias (1991). *Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar universiti.* Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Hassan Hushin, & Maznah Che Don (2010). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Howard, W., & Henry, I. B. (1988). *Test validity.* New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Hussein Ahmad (1991). Keberkesanan penyediaan guru dan aktiviti meningkatkan profesionalisme mereka. *Jurnal Guru, 3, 75-81.*
- Irwan Prayitno (2000). *Pembinaan dan aplikasi pengukuran psikologi dalam model pembangunan sumber manusia bagi sektor industri di Indonesia.* Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Isaac, S., & Micheal, W. B. (1984). *Handbook in research and evaluation.* San Diego: Edits Publishers.
- Jamaliah Abdul Fatah (1998). *Masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah.* Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

- Jamaludin Ahmad, Muhammad Asyraf Che Amat, Siti Norbaiti Yahaya, Rosdi Yusof, & Siti Rahmah Alias (2011). The construction, validity, reliability and effectiveness of drug rehabilitation module on self-concept of female addicts and motivation achievement of male addicts. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(10), 21.
- Jamaludin Ahmad, Nurul Fatin Muhamad Arsad, & Saifuddin Kumar Abdullah (2009). The validity of group guidance motivation module for secondary school students. *European Journal of Social Sciences*, 10(3), 343-348.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2007). *Modul & kaunseling penyalahgunaan dadah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2002). *Kesahan, kebolehppercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Noah, Rusnani Abd. Kadir, & Hamsuddin Ahmad (2002). *Keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Selangor*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Jamaludin Ahmad, & Sidek Mohd Noah (2001). Pendekatan alternatif menentukan kesahan dan kebolehppercayaan modul program maju diri, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. *Jurnal Perkama*, 9, 97-118.

Kamaruddin Hussin (1988). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Khairuddin Nisa (2007). *Kesan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik ke atas pencapaian pelajar tingkatan lima SMK Khir Johari Sungai Sumun*. Universiti Perguruan Sultan Idris: Tesis Doktor Falsafah.

Khalid Isa, Masnani Mohamed, Jamaludin Jalani, Zarina Tukiran, Siti Amely Jumaat, Nor Faiza Fuad, Ida Laila Ahmad, Shamsul Muhamad, & Siti Zarina Mohd Muji (2008). Peranan kem motivasi pelajar harapan PROPEMP dalam membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar FKE. *Persidangan pembangunan pelajar peringkat kebangsaan Universiti Teknologi Malaysia, 2008*, 1-7.

Kimble, G. A. (1984). Psychology's two cultures. *American Psychologist*, 39, 833-839.

Klingstedt, J. L. (1973). *Learning modules for competency-based education*. New Jersey: Education Technology Publication Englewood Cliffs.

Knippenberg, A. V., & Ellemers, N. (1993). *Group motivation: Social psychological perspectives*. New York: Harvester Wheatsheaf.

Lee Lam Thye (2010). *Beri didikan terbaik untuk lahir modal insan cemerlang*. Dirujuk pada Ogos 8, 2011, dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Berididikanterbaikuntuklahirmodalinsancemerlang/Article/#>

Lewin, K. (1958). *Group decisions and social change in social psychology*. New York: Holt, Rhinehart and Winston.

- Lian Ai Chen (2002). *Mereka bentuk, menilai kesesuaian dan mengkaji keberkesanan modul pengajaran sendiri*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Mahyuddin Arsat, & Norshahidah Shafie (2009). *Pembangunan modul 'Basic of Electric and Electronic'*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mariah Kamaruddin (2006). *Semakan modul pembimbing rakan sebaya Kementerian Pelajaran Malaysia*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mariah Kamaruddin (2005). *Kesahan dan kebolehpercayaan modul pembimbing rakan sebaya: Kajian di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di Daerah Kinta Satu, Perak*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Maslow, A. (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row.
- McClelland, D. C. (1985). *Human motivation*. New York: Cambridge University Press.
- McClelland, D. C. (1978). Managing motivation to expand human freedom. *American Psychologist*, 33(3), 201-210.
- McClelland, D. C. (1961). *The achieving society*. Princeton, NJ: Van Nostrand Reinhold.
- Miller, D. K. (2006). *Measurement by the physical educator: Why and how*. Dubuque, Iowa: Wm C. Brown.
- Mohamad Zaaba, & Zuraida Ismail (2004). *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed Fadzil Che Din (1997). *A Survey of employee problems and the effectiveness of employee counseling programme in an organization in Malaysia*. University of Hull: Unpublished doctoral dissertation.

- Mohd Ali Jaamat (1999). *Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah sekolah menengah Daerah Jelebu Negeri Sembilan*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abd. Ghafar (2003). *Rekabentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu, & Zaidatun Tasir (2001). *Analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Zulfahmi Bahaudin, & Shaharom Noordin (2006). *Pembinaan dan penilaian kesesuaian modul pengajaran sendiri (MPK) gelombang bagi mata pelajaran fizik KBSM tingkatan lima*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Muhd Mansor Abdullah (1994). Penilaian perkhidmatan kaunseling dan bimbingan di sekolah-sekolah menengah menggunakan model C.I.P.P. *Jurnal PERKAMA: Persatuan Kaunseling Malaysia*, 5, 69-94.
- Myrick, I. D., & Dixon, R. W. (1985). Changing student attitudes and behavior through group counseling. *The School Counselor*, 32, 325-330.
- Noriah Mohd Ishak, Melor Md Yunus, Saemah Abdul Rahman, & Zuria Mahmud (2010). Effects of FLEP on self-motivation and aspiration to learn among low-achieving students: An experimental study across gender. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7(C), 122-129.

- Norusis, M. J., & SPSS Inc. (1993). *SPSS for windows: Base system user's guide*. Chicago: SPSS Inc.
- Norusis, M. J. (1999). *SPSS 9.0 guide to data analysis*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Othman Mohamed (2000). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rosdi Yusof (2009). *Keberkesanan modul pemulihan penyalahgunaan dadah terhadap konsep sendiri dalam kalangan penghuni wanita pusat serenti Bachok, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Russell, J. D. (1974). *Modular instruction. A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. New York: Burgess Publishing Company.
- Santrock, J. W. (2000). *Life-span development*. 7th. ed. Madison, WI: Brown & Benchmark.
- Shaharom Nordin (1994). *Penghasilan dan penilaian keberkesanan modul pengajaran sendiri fizik di kalangan pelajar berbeza kebolehan dan jantina pada peringkat tingkatan empat*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Shaharom Nordin, & Yap Kueh Chin (1991). Pengindividuan pengajaran dan pembelajaran menerusi pengajaran bermodul. *Jurnal Pendidikan Guru*, 7, 89-107.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). Pengenalan pengajaran individu dengan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 1(3), 46-57.

- Sidek Mohd Noah (2005). *Pengujian dan penilaian dalam kaunseling: Teori dan aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah (2001). *Career development: Theory and practice*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah (2000). *Rekabentuk penyelidikan. Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan modul. Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sowell, E. J., & Casey, R. J. (1982). *Analyzing education research*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Super, D.E. (1971). *The psychology of career*. New York: Harper & Row Publisher.
- Syaharom Abdullah (1990). *Panduan amali untuk penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohamad Syed Abdullah, & Amla Salleh. (2010). Developing the potential of under-achieved students using career-planning module. *European Journal of Social Sciences*, 16(4), 645-652.
- Tuckman, B. W. (1999). *Conducting educational research*. 5th. ed. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Tuckman, B. W., & Waheed, M. A. (1981). Evaluating an individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*, 18, 489-495.
- Vale J. D. (1998). *Traditional reliability*. Retrieved on Feb 6, 2008, from <http://www.ece.edu/~koopman/de>.

Valette, R. M. (1997). *Modern language testing: A handbook*. 2nd. ed. New York: Harcourt Brace Jovanovich.

Young, J. I., & Van Mondfrans, A. P. (1973). Psychological implications of competency-based education. *Educational Technology*, 12(11), 15-18.

Zakaria Abd. Rahman (1998). *Pembinaan dan pengujian modul latihan keusahawanan pertanian di kalangan pelajar sekolah menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Zulkifly Hussin (2000). *Kesan program pendidikan kerjaya terhadap motivasi pelajar: Satu kajian kes di sebuah sekolah menengah*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.